


MANUAL
TADBIR URUS
1 UiTM: MULTISISTEM

10 | TADBIR URUS
PENGURUSAN KUALITI
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Universiti Teknologi MARA
SHAH ALAM

EDARAN TERHAD



جامعة سعى
لتقدير عالي
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

TADBIR URUS
PENGURUSAN KUALITI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



Universiti Teknologi MARA
SHAH ALAM

EDARAN TERHAD

KANDUNGAN

| Perkara | Muka Surat |
|--|------------|
| Tadbir Urus Pengurusan Kualiti UiTM | |
| 1.0 Pendahuluan | 3 |
| 2.0 Latar Belakang | 3 |
| 3.0 Asas Penyediaan Tadbir Urus | 4 |
| 4.0 Institusi Tadbir Urus | 5 |
| 5.0 Struktur Tadbir Urus | 6 |
| 6.0 Senarai Jawatankuasa | 7 |
| 7.0 Had Kuasa Tadbir Urus | 7 |
| 8.0 Risiko dan Peluang | 11 |
| 9.0 Rumusan | 12 |
| 10.0 Rujukan | 12 |
| Lampiran J1 : Struktur Tadbir Urus Pengurusan Kualiti UiTM | 14 |
| Lampiran J2 : Struktur Organisasi INQKA | 16 |
| Lampiran J3 : Carta Fungsi INQKA | 18 |
| Panduan Tadbir Urus Pengurusan Kualiti UiTM | |
| 1. Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU) | 23 |
| 2. Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK) | 29 |
| 3. Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK) | 34 |
| 4. Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM) | 39 |
| 5. Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) | 44 |
| 6. Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP) - Diletakan dibawah Tadbir Urus Eksekutif | |

TADBIR URUS PENGURUSAN KUALITI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

1.0 PENDAHULUAN

Pengurusan Kualiti merupakan agenda penting untuk memacu kecemerlangan universiti. Pengurusan Kualiti UiTM melibatkan aspek-aspek kecemerlangan organisasi, kecekapan modal insan, keberkesanan proses dan teknologi.

Ini adalah selaras dengan hasrat UiTM untuk menjadi sebuah universiti yang komprehensif, berteraskan penyelidikan dan keusahawanan. Sebagai sebuah institusi pengajian tinggi terbesar di Malaysia, sudah tentu pengurusan kualiti di UiTM merupakan satu perkara yang kompleks.

Bagi menerapkan kualiti sebagai budaya semua warga universiti, peranan masing-masing perlu jelas agar pengurusan jaminan kualiti institusi lebih terarah. Dokumen Tadbir Urus Kualiti sebagai rujukan mampu memastikan pengurusan jaminan kualiti dikendalikan dengan menyeluruh, cekap dan berterusan.

2.0 LATAR BELAKANG

Jaminan kualiti UiTM dizahirkan melalui penghayatan Dasar Kualiti UiTM iaitu komited untuk menguruskan universiti secara profesional demi melahirkan graduan bumiputera yang berdaya saing, global dan beretika serta sentiasa memenuhi keperluan pelanggan dan sentiasa meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sistem pengurusan kualiti melalui penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah universiti bertaraf dunia.

Jaminan kualiti ini adalah tanggungjawab Naib Canselor Universiti manakala peranan pengurusan jaminan kualiti dipertanggungjawabkan kepada Institut Kualiti Dan

Pengembangan Ilmu (InQKA) mewakili universiti secara keseluruhan manakala Unit Kualiti di pusat tanggungjawab (PTJ) pula mewakili PTJ masing-masing.

InQKA pada asalnya dikenali sebagai InKA. Ditubuhkan pada tahun 2001, InKA merupakan gabungan Jaminan Kualiti Akademik dan Centre for Total Quality in Education (CTQE). InQKA telah di jenama semula berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) pada tahun 2010 untuk mewujud, menyelenggara dan memantau sistem jaminan kualiti yang kukuh di UiTM. Sejajar dengan perkembangan terkini di dalam pengajian tinggi di Malaysia, pengurusan tertinggi UiTM telah mengamanahkan InQKA untuk menjadi pusat bagi jaminan kualiti untuk keseluruhan sistem UiTM. Kini UiTM telah diberikan status Swa Akreditasi oleh Malaysian Qualifications Agency (MQA) berkuatkuasa mulai 2 Januari 2017.

InQKA bertanggungjawab merangka dasar dan mengkonsolidasi aktiviti pengurusan kualiti UiTM dengan mengintegrasikan COPIA dengan Sistem Pengurusan Kualiti (Standard ISO 9001). InQKA juga bertanggungjawab kepada pengurusan Swa Akreditasi yang dilaksanakan oleh Unit Jaminan Kualiti Dalaman, InQKA.

Selaras dengan penubuhan dan peranan InQKA keurusetiaan tadbir urus kualiti universiti adalah dipertanggungjawabkan kepada InQKA.

3.0 ASAS PENYEDIAAN TADBIR URUS KUALITI UNIVERSITI

Kewujudan Tadbir Urus Kualiti yang menjelaskan hubungkait jawatankuasa di peringkat operasi dengan pengurusan tertinggi universiti merupakan asas sistem pengurusan kualiti yang mantap di sesebuah institusi. Peranan pengurusan tertinggi dalam pengurusan kualiti UiTM lebih jelas dengan Tadbir Urus Kualiti Universiti yang lebih telus. Hubungkait yang diperjelaskan ini mampu memastikan pengurusan jaminan kualiti dikendalikan dengan cekap dengan memberi impak yang lebih meluas. Pembudayaan kualiti akan lebih terancang dan terurus dan juga akan memperlihatkan keterlibatan seluruh warga universiti.

Punca Kuasa penyediaan tadbir urus InQKA adalah berdasarkan keputusan Jawatankuasa Eksekutif 2010 di mana InQKA diarahkan untuk mengkonsolidasi, menyelaras dan memantau semua hal ehwal berkaitan Pengurusan Kualiti di UiTM.

4.0 INSTITUSI TADBIR URUS KUALITI UNIVERSITI

InQKA dipertanggungjawabkan untuk mengurus jaminan kualiti seluruh sistem UiTM menggunakan 3 peringkat tadbir urus. Sebagai pusat pengurusan kualiti, InQKA mengurus serta menjadi pemangkin kepada aktiviti berkaitan kualiti yang dijalankan bukan sahaja di peringkat kampus induk dan fakulti di Shah Alam, di UiTM cawangan dan kampusnya, demi memastikan kepatuhan keseluruhan universiti kepada *Code of Practice for Institutional Audit (COPIA), Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA)*, ketetapan badan-badan profesional serta keperluan Standard ISO 9001.

Meneruskan legasi jaminan kualiti, InQKA kekal bertindak sebagai sekretariat universiti bagi urusan audit Pensijilan Standard ISO9001 di peringkat korporat, menyelaras urusan penganugerahan kualiti di peringkat universiti iaitu Anugerah Kualiti Naib Canselor (AKNC) dan Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK).

InQKA diterajui oleh seorang Penolong Naib Canselor yang dilantik oleh Naib Canselor UiTM. InQKA terbahagi kepada tujuh (7) unit iaitu, Unit Web Media, Unit Jaminan Kualiti Dalaman (IQA), Unit Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi, Unit Komunikasi dan Pengembangan Ilmu, Unit Pencapaian dan Penarafan, Unit Inovasi dan Penilaian Kecemerlangan dan Unit Pentadbiran Am. InQKA bertanggung jawab untuk memastikan pelaksanaan dasar kualiti melalui sistem pengurusan kualiti yang teguh, menguruskan penambahbaikan proses-proses utama UiTM dan menjamin kualiti program akademik yang ditawarkan. Selain itu InQKA juga bertanggungjawab untuk menjamin penarafan UiTM, dengan mengekalkan imej universiti terbaik melalui pembudayaan kualiti dan inovasi merentas sistem dengan harapan agar UiTM dapat memastikan keyakinan dan kepuasan hati pelanggan dan semua pemegang taruhnya.

Di peringkat Operasi Tadbir Urus Universiti, InQKA menguruskan tiga (3) jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK), Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK) dan Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM).

JPKIK berperanan untuk menyelaras dan mengurus aktiviti-aktiviti KIK di UiTM. Jawatankuasa ini juga akan mengenal pasti hasil projek KIK yang berpotensi untuk tujuan pendaftaran penyeragaman dan pengkomersilan.

JKP pula berperanan untuk mengkoordinasi pelaksanaan dan aktiviti jaminan kualiti di seluruh sistem universiti. Selain daripada itu, Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memantau prestasi kualiti di setiap PTJ agar selaras dengan hala tuju UiTM.

Manakala JPWM pula berperanan untuk menyelaras dan mengurus maklumat universiti melalui laman sesawang dan media sosial universiti dengan memantau dan memastikan paparan maklumat adalah tepat, sesuai dan terkini. JPWM juga berperanan untuk memastikan kepatuhan kepada dasar-dasar agensi pusat dan universiti berkaitan pengurusan laman sesawang dan media sosial universiti.

Tadbir Urus Kualiti Universiti mempunyai satu (1) jawatankuasa di peringkat Eksekutif Tadbir Urus Universiti iaitu Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU). JKIQU berperanan untuk meluluskan cadangan dasar-dasar yang berkaitan dengan operasi sistem pengurusan dan jaminan kualiti universiti yang turut merangkumi pengurusan web media universiti dan pengurusan KIK di UiTM. JKIQU juga berperanan untuk membincang dan meluluskan cadangan penyelesaian bagi isu-isu berbangkit yang tidak dapat diselesaikan di peringkat

Operasi Tadbir Urus Kualiti Universiti. Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab untuk memantau pencapaian prestasi universiti.

Sekiranya cadangan yang diperakukan di JKIQU melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan pengurusan akademik, maka perkara-perkara tersebut perlu dibentangkan di Senat Universiti untuk kelulusan dan perkara-perkara bukan akademik pula akan diputuskan oleh Majlis Eksekutif Universiti (MEU).

5.0 STRUKTUR TADBIR URUS

- 5.1 Struktur Tadbir Urus Kualiti Universiti seperti di Lampiran J1
- 5.2 Struktur Organisasi INQKA seperti di Lampiran J2
- 5.3 Carta Fungsi INQKA seperti di Lampiran J3

6.0 SENARAI JAWATANKUASA

| Strategik | Eksekutif | Operasi |
|-----------------------------------|---|--|
| Majlis Eksekutif Universiti (MEU) | | Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP) |
| Senat | Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU) | Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK) |
| | | Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK) |
| | | Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM) |

7.0 HAD KUASA TADBIR URUS KUALITI UNIVERSITI

7.1 Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK)

| Bil. | Perkara | Peringkat Operasi | Peringkat Eksekutif | Peringkat Strategik | | |
|------|---|-------------------|---------------------|---------------------|-----|-----|
| | | JPKIK | JKIQU | SENAT | MEU | LPU |
| 1 | Penggubalan dasar pelaksanaan KIK | SY | P | L | L | |
| 2 | Penyelarasan pengurusan aktiviti-aktiviti KIK di UiTM | L | M | | | |
| 3 | Pengurusan isu berbangkit berkaitan KIK di peringkat Fakulti, UiTM Cawangan dan Jabatan/Bahagian/Pusat Akademik | SY | L/P | L | L | |

| Bil. | Perkara | Peringkat Operasi | Peringkat Eksekutif | Peringkat Strategik | | |
|------|--|-------------------|---------------------|---------------------|-----|-----|
| | | JPKIK | JKIQU | SENAT | MEU | LPU |
| 4 | Pengurusan belanjawan untuk aktiviti latihan, penganjuran konvensyen dan penyertaan dalam konvensyen KIK | L | M | | | |
| 5 | Penganjuran Konvensyen KIK peringkat Zon dan UiTM | L | M | | | |
| 6 | Penilaian dan pemantauan keberkesanan Program KIK | P | S | | | |
| 7 | Penyelaras penyeragaman hasil projek KIK | SY | P | L | L | |
| 8 | Pengurusan hasil projek KIK yang berpotensi untuk tujuan pengkomersilan | SY | L | | | |

7.3 Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK)

| Bil. | Perkara | Peringkat Operasi | Peringkat Eksekutif | Peringkat Strategik | | |
|------|--|-------------------|---------------------|---------------------|-----|-----|
| | | JPK | JKIQU | SENAT | MEU | LPU |
| 1. | Penggubalan dasar berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Fakulti, UiTM Cawangan, Jabatan, Bahagian dan Pusat Akademik kecuali perkara berkaitan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) | SY | P | L | L | |

| Bil. | Perkara | Peringkat Operasi | Peringkat Eksekutif | Peringkat Strategik | | |
|------|---|-------------------|---------------------|---------------------|-----|-----|
| | | JKPK | JKIQU | SENAT | MEU | LPU |
| 2. | Pengurusan dasar dan peraturan berkaitan penilaian program dan institusi. | L | M | S | | |
| 3. | Penyelarasan pengurusan kualiti di UiTM | L | | | | |
| 4. | Pengurusan isu berbangkit berkaitan kualiti di peringkat PTJ | SY | L/P | L | L | |
| 5. | Pemantauan pencapaian prestasi kualiti universiti | | | | | |
| | a. Penilaian Luar InQKA (COPIA) | S | M | M | | |
| | b. Penilaian Kendiri (Self Review) | S | M | M | | |
| | c. Anugerah Kualiti Naib Canselor | S | M | | | |
| | d. Penarafan dan Akreditasi | M | M | M | M | |

7.4 Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM)

| Bil. | Perkara | Peringkat Operasi | Peringkat Eksekutif | Peringkat Strategik | | |
|------|---|-------------------|---------------------|---------------------|-----|-----|
| | | JPWM | JKIQU | SENAT | MEU | LPU |
| 1 | Penggubalan dasar Web Media (Laman Sesawang/Media Sosial) | SY | P | L | L | |

| Bil. | Perkara | Peringkat Operasi | Peringkat Eksekutif | Peringkat Strategik | | |
|------|---|-------------------|---------------------|---------------------|-----|-----|
| | | JPWM | JKIQU | SENAT | MEU | LPU |
| 2 | Penyelarasan pengurusan Web Media di UiTM | L | M | | | |
| 3 | Pengurusan isu berbangkit berkaitan pengurusan Web Media di peringkat Fakulti, UiTM Cawangan dan Jabatan/Bahagian/ Pusat Akademik | SY | L/P | L | L | |

7.5 Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP)

| Bil. | Perkara | Peringkat Operasi | Peringkat Eksekutif | Peringkat Strategik | | |
|------|--|-------------------|---------------------|---------------------|-----|-----|
| | | JPWM | JKIQU | SENAT | MEU | LPU |
| 1 | Laporan Akreditasi Penilaian Sementara IQA01 | P/L | | S | | |
| 2 | Laporan Penilaian Akreditasi Penuh IQA02 | P/L | | S | | |
| 3 | Laporan Penilaian Semakan Kurikulum melebihi 30% IQA03 | P/L | | S | | |
| | Laporan Penilaian Program Deemed Accredited IQA04 | P/L | | S | | |
| | Laporan Audit Lokasi Program IQA05 | P/L | | S | | |

C = Cadang, P = Peraku, L = Lulus, S = Sah, SY = Syor, M = Makluman

| | | |
|-------|---|--|
| LPU | : | Lembaga Pengarah Universiti |
| MEU | : | Majlis Eksekutif Universiti |
| Senat | : | Senat Universiti |
| JKIQU | : | Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti |
| JKIK | : | Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif |
| JKP | : | Jawatankuasa Pengurusan Kualiti |
| JPWM | : | Jawatankuasa Pengurusan Web Media |

8.0 RISIKO DAN PELUANG

Jika pengurusan kualiti universiti tidak mantap, maka misi, visi dan objektif universiti tidak akan tercapai. Risiko Pengurusan Kualiti disenaraikan seperti berikut:

| Risiko dan Punca | Impak Risiko | Kawalan |
|---|---|---|
| Penyebaran maklumat sulit (Pemenang apa-apa anugerah kualiti) | Kredibiliti Jawatankuasa dipertikaikan | Pengerusi mesyuarat membaca Deklarasi Tadbir Urus Kualiti pada permulaan mesyuarat |
| Kesukaran menjadualkan mesyuarat memandangkan keanggotaan ahli mesyuarat turut melibatkan pengurusan kanan universiti | Mesyuarat tidak dapat dilaksanakan Isu-isu berbangkit tiada penyelesaian | Penyediaan tarikh mesyuarat pada tahun sebelumnya. Pengerusi ganti telah dikenalpasti bagi memastikan mesyuarat dapat dilaksanakan |
| Kenaggotaan ahli mesyuarat bertukar ganti | Kelewatan pelantikan ahli baharu | Penyediaan proses pengurusan jawatankuasa Pengurusan pangkalan data pemegang jawatan berkenaan |

9.0 RUMUSAN


Kewujudan semua jawatankuasa ini akan meningkatkan kecekapan dan keberkesan pengurusan kualiti di UiTM. Walaupun proses akreditasi program telah ditambah namun pematuhan Swa Akreditasi akan dilaporkan di dalam JKQU. Oleh itu, tiada keperluan untuk penubuhan jawatankuasa untuk perkara berkaitan Swa Akreditasi.

10.0 RUJUKAN


- i. Buku Garispanduan Pengurusan Kumpulan Inovatif Dan Kreatif (KIK) di Universiti Teknologi MARA (2014)
- ii. COPIA MQA (2008)
- iii. COPPA MQA (2008)
- iv. Dasar Jaminan dan Pengukuhan Kualiti (2016)
- v. Dasar Laman Sesawang Universiti (2017)
- vi. Dasar Media Sosial (2017)
- vii. Garis Panduan Lantikan Akademia 2008 (BHEA)
- viii. Standard ISO 9001
- ix. Kriteria KIK MPC
- x. Panduan Pengurusan Mesyuarat
- xi. Pekeliling Bendahari
- xii. Pekeliling Naib Canselor
- xiii. Pekeliling Timbalan Naib Canselor

- xiv. Peraturan Akademik UiTM
- xv. Pelan Strategik dan UePMO UiTM


Peringkat 1 : Strategik




Peringkat 2 : Eksekutif




Peringkat 3 : Operasi




GURUSAN KUALITI GI MARA



STRUKTUR ORGANISASI UNIVERSITI TEK...



SEKRETARIAT PENGURUSAN KUALITI TEKNOLOGI MARA



STRUKTUR FUNGSI TADBIR URUS PENGURUS



PURUSAN KUALITI (INDUK)

U)

I (JIKU)

pengurusan dan jaminan

ak yang berkaitan

OVATIF DAN

KIK di UiTM.
n penyertaan
cara tahunan

n pendaftaran hak

JAWATANKUASA KETUA UNIT KUALITI (JKUK)

- Membincang and mengesyorkan dasar berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) fakulti dan kampus kecuali perkara berkaitan Kumpulan Inovasi dan Kreativiti (KIK)
- Membincang dan mengesyorkan dasar dan peraturan berkaitan penilaian program and institusi.
- Menyelaraskan hal-hal berkaitan kualiti antara fakulti, kampus dan bahagian dari aspek 4 komponen : Organisasi (O), Modal Insan (M), Proses (P) dan Teknologi (T).
- Membuat keputusan bagi isu berkaitan kualiti di peringkat fakulti, kampus dan bahagian

UNIT KUALITI NEGERI (UKN)/UNIT KUALITI FAKULTI (UKF)/UNIT KUALITI JABATAN/BAHAGIAN (UKJ)


- Melaksanakan dasar dan peraturan seperti yang telah termaktub dalam Rujukan Utama InQKA
- Hal-hal berkaitan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Ketua Unit Kualiti (JKUK) dan Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK).

STRATEGIK

EKSEKUTIF

OPERASI






PANDUAN TADBIR URUS

PENGURUSAN KUALITI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA



SENARAI JAWATANKUASA

1. Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU)
2. Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK)
3. Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK)
4. Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM)
5. Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP)

JAWATANKUASA INDUK KUALITI UNIVERSITI (JKIQU)

1.0 Punca Kuasa

Penubuhan Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah ke-147 yang telah diadakan pada 17 Ogos 2015.

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU) ditubuhkan mulai 1 September 2015.

3.0 Keanggotaan

3.1 Keahlian Jawatankuasa Induk Kualiti Universiti (JKIQU)

Pengerusi : Naib Canselor

T. Pengerusi : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Pengerusi

Ahli : Penolong Naib Canselor (InQKA)
: Ketua Pustakawan
: Penolong Naib Canselor (Infostruktur)
: Penolong Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
: Penolong Naib Canselor (Keusahawanan)
: Penolong Naib Canselor (ILD)
: Tiga (3) orang Rektor yang dilantik
- Rektor UiTM Cawangan Selangor
- Rektor UiTM Cawangan yang mempunyai Fakulti
- Rektor UiTM Cawangan yang tidak mempunyai Fakulti

- : Tiga (3) orang Dekan yang dilantik
 - Fakulti – Sains & Teknologi
 - Fakulti – Sains Sosial & Kemanusiaan
 - Fakulti – Pengurusan & Perniagaan
- : Pengarah Pembangunan Akademik
- : Pengarah Unit Hal Ehwal Kurikulum
- : Pengarah Pembangunan Pelajar
- : Pengarah Pembangunan dan Infrastruktur
- : Pengarah Infostruktur
- : Pengarah Unit Strategik Kebolehpasaran Pelajar & Alumni
- : Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi (InQKA)
- : Pengarah Jaminan Kualiti Dalaman (InQKA)
- : Pengarah Web Media (InQKA)
- : Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
- : Ketua Timbalan Bendahari, Bahagian Pengurusan Perancangan & Belanjawan

Setiausaha : Ketua Pentadbiran InQKA

Sekretariat : Pejabat Pentadbiran InQKA

- 3.2 Ahli Jawatankuasa dilantik untuk tempoh tiga (3) tahun atau berdasarkan tempoh lantikan jawatan di PTJ masing-masing.
- 3.3 Pengerusi boleh menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengerusi atau mana-mana ahli mesyuarat kecuali Penolong Naib Canselor InQKA sekiranya beliau tidak dapat hadir secara rasmi.

4.0 Kuasa Melantik

Pengerusi : Dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah

Ahli dan Setiausaha : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya satu kali setahun.

6.0 Korum

Mesyuarat hanya boleh diadakan dengan keahlian sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah ahli jawatankuasa.

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

7.1 Fungsi JKIQU adalah seperti berikut:

- i. Meneliti syor dasar dan panduan pengurusan sistem pengurusan kualiti, KIK dan jaminan kualiti universiti serta pengurusan web media dan media sosial universiti.
- ii. Memantau pencapaian prestasi kualiti universiti termasuk pencapaian penarafan universiti dan kecemerlangan operasi.
- iii. Membincang isu-isu berbangkit daripada pengurusan SWA Akreditasi, Penilaian Luar (ER), Audit Dalam, mesyuarat JPK, JPKIK dan JPWM.
- iv. Meneliti hal-hal berkaitan penyeragaman hasil projek KIK dan penyelarasan pengurusan kuaiti di UiTM.
- v. Meneliti keberkesanan program-program KIK dan SPK serta menilai projek KIK yang berpotensi untuk tujuan pendaftaran hak cipta dan pengkomersilan.
- vi. Meneliti lain-lain perkara yang terkandung dalam panduan/dasar kualiti yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia dan Malaysian Qualifications Agency (MQA) seperti Code of Practice for Institutional Audits (COPIA), Code of Practice for Programme Accreditation (COPPA) dan lain-lain.

- 7.2 JKIQU mempunyai bidang kuasa atas semua perkara-perkara berhubung dengan :
- i. Memperakukan syor dasar KIK, pengurusan jaminan kualiti, web media dan media sosial untuk kelulusan di Senat atau MEU.
 - ii. Meluluskan panduan pengurusan KIK, pengurusan jaminan kualiti, web media dan media sosial.
 - iii. Memperakukan laporan pencapaian prestasi kualiti universiti.
 - iv. Meluluskan cadangan tindakan susulan/penambahbaikan bagi menangani isu-isu yang dibangkitkan. Bagi cadangan-cadangan yang memerlukan kelulusan di peringkat strategik (MEU/Senat) maka JKIQU hendaklah memperakukan cadangan tersebut.
 - v. Mengesahkan penilaian dan pemantauan keberkesanan program KIK.
 - vi. Memperakukan cadangan penyeragaman hasil projek KIK untuk kelulusan MEU/Senat.
 - vii. Meluluskan hasil projek KIK yang disyorkan untuk tujuan pendaftaran hak cipta dan pengkomersilan.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Cadangan Dasar

Bahagian C : Laporan Prestasi Kualiti Universiti

- C1 : Laporan Sistem Pengurusan Kualiti dan Kecemerlangan Operasi
- C2 : Laporan Penilaian Luar (COPIA) oleh InQKA
- C3 : Laporan Akreditasi Program (COPPA)
- C4 : Laporan Pengurusan Laman Web dan Media Sosial
- C5 : Laporan KIK Universiti
- C6. : Laporan Penarafan
- C7 : Laporan Audit Kualiti Dalaman (Korporat)
- C8 : Laporan AKNC

Bahagian D : Isu Berbangkit Mesyuarat Peringkat Operasi

Bahagian E : Hal-hal lain

9.0 Format Kertas Kerja

Format kertas kerja/kertas cadangan adalah seperti berikut :

- i. Tajuk Kertas Cadangan
- ii. Tujuan
- iii. Latar Belakang/Isu
- iv. Cadangan
- v. Implikasi Kewangan
- vi. Cadangan Tarikh Pelaksanaan
- vii. Penutup

10.0 Dokumen Rujukan

- i. Dasar Jaminan dan Pengukuhan Kualiti
- ii. Dasar pengurusan laman web dan media sosial agensi pusat dan universiti
- iii. COPIA MQA
- iv. COPPA MQA
- v. Panduan Pengurusan Mesyuarat
- vi. Buku Garis Panduan Pengurusan KIK UiTM
- vii. Peraturan Akademik UiTM

- viii. Pekeliling Naib Canselor
- ix. Pekeliling Timbalan Naib Canselor

JAWATANKUASA PEMANDU KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (JPKIK)

1.0 Punca Kuasa

Penubuhan Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif Dan Kreatif telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-147 pada 17 Ogos 2015

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

Jawatankuasa PEMANDU ditubuhkan sejak KMK (Kumpulan Meningkat Mutu Kerja) diamalkan di UiTM pada tahun 1985. Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif & Kreatif (JPKIK) pula ditubuhkan mulai 1 September 2015.

3.0 Keanggotaan

3.1 Keahlian Jawatankuasa Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif (JPKIK)

Pengerusi : Penolong Naib Canselor (InQKA)

T. Pengerusi : Ketua Inovasi dan Kreativiti (InQKA)

Ahli : Koordinator Inovasi dan Kreativiti (InQKA)

: Pakar Rujuk KIK UiTM

: Penyelaras KIK Fakulti

: Penyelaras KIK UiTM Cawangan

: Penyelaras KIK Jabatan/Bahagian

- Setiausaha : Ketua Pentadbiran InQKA
- Sekretariat : Pejabat Pentadbiran InQKA
- 3.2 Ahli Jawatankuasa dilantik untuk tempoh dua (2) tahun atau berdasarkan tempoh lantikan jawatan di PTJ masing-masing.
- 3.3 Pengerusi boleh menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengerusi untuk mempengerusikan mesyuarat sekiranya beliau tidak dapat hadir secara rasmi.

4.0 Kuasa Melantik

- Pengerusi : Dilantik oleh Naib Canselor
- Ahli dan Setiausaha : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Mesyuarat JPKIK hendaklah diadakan sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

6.0 Korum

Mesyuarat hanya boleh diadakan dengan keahlian sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah ahli.

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- 7.1 Fungsi JPKIK adalah seperti berikut:
- Membincangkan cadangan dasar dan panduan pengurusan KIK

- ii. Menyelaras dan mengurus aktiviti-aktiviti KIK
 - iii. Membincangkan agihan belanjawan untuk aktiviti latihan, penganjuran konvensyen KIK dan penyertaan konvensyen dalam dan luar UiTM
 - iv. Membincangkan isu-isu berkaitan penganjuran Konvensyen KIK di UiTM
 - v. Menilai dan memantau keberkesanan program KIK
 - vi. Menyelaras penyeragaman hasil projek KIK
 - vii. Meneliti hasil projek KIK yang berpotensi untuk tujuan pendaftaran hak cipta dan pengkomersilan
- 7.2 JPKIK mempunyai bidang kuasa atas semua perkara-perkara berhubung dengan:
- i. Membuat syor dasar KIK kepada JKIQU untuk perakuan sebelum ke Senat/MEU untuk kelulusan.
 - ii. Meluluskan cadangan penyelaras pengurusan aktiviti-aktiviti KIK
 - iii. Membuat keputusan mengenai isu-isu berbangkit berkaitan KIK bagi perkara yang di dalam bidang kuasa Penyelaras KIK. Manakala bagi perkara diluar bidang kuasa penyelaras, JPKIK hendaklah mengemukakan syor penyelesaian kepada JKIQU untuk kelulusan atau perakuan kepada Senat/MEU.
 - iv. Meluluskan cadangan pengurusan belanjawan untuk aktiviti latihan, penganjuran konvensyen dan penyertaan dalam konvensyen mengikut had belanjawan yang telah ditetapkan.
 - v. Membuat keputusan mengenai penganjuran konvensyen KIK peringkat Zon dan UiTM
 - vi. Memperakukan laporan penilaian dan pemantauan keberkesanan program KIK

- vii. Membuat syor penyelarasan penyeragaman hasil projek KIK
- viii. Membuat syor hasil projek KIK yang berpotensi untuk tujuan pengkomersilan kepada JKQU untuk kelulusan atau perakuan kepada Senat/MEU.

8.0 Agenda Mesyuarat

- Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi
- Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara Berbangkit
- Bahagian B : Cadangan Dasar
- Bahagian C : Konvensyen KIK
- Bahagian D : Program Pembangunan KIK
- Bahagian E : Harta Intelek dan Pengkomersilan Projek KIK
- Bahagian F : Hal-hal Lain

9.0 Format Kertas Kerja

Format kertas kerja/kertas cadangan adalah seperti berikut:

- i. Tajuk Kertas Cadangan
- ii. Tujuan
- iii. Latar Belakang/Isu
- iv. Cadangan
- v. Implikasi Kewangan

- vi. Cadangan Tarikh Pelaksanaan
- vii. Penutup

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Buku Garis Panduan Pengurusan KIK UiTM
- ii. Garis Panduan Perlaksanaan KIK UiTM
- iii. Pekeliling Bendahari (kadar bayaran)
- iv. Kriteria KIK MPC

JAWATANKUASA PENGURUSAN KUALITI (JPK)

1.0 Punca Kuasa

Keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti ke-147 pada 17 Ogos 2015

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

Jawatankuasa Pengurusan Kualiti (JPK) telah ditubuhkan mulai 1 September 2015.

3.0 Keanggotaan

3.1 Keahlian Jawatankuasa Pengurusan Kualiti

Pengerusi : Penolong Naib Canselor (InQKA)

T. Pengerusi : Pengarah Sistem Kualiti dan Kecemerlangan Operasi Pengerusi (InQKA)

Ahli : Pengarah Jaminan Kualiti Dalaman (InQKA)
: Ketua Akreditasi Program (InQKA)
: Ketua Komunikasi dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
: Ketua Pencapaian dan Penarafan (InQKA)
: Ketua Pentadbiran/Sekretariat AKNC (InQKA)
: Ketua Unit Kualiti di UiTM Cawangan
: Ketua Unit Kualiti di UiTM Fakulti
: Ketua Unit Kualiti di Jabatan/Bahagian/Pusat Akademik

Setiausaha : Penolong Pendaftar InQKA

Sekretariat : Pejabat Pentadbiran InQKA

3.2 Ahli jawatankuasa dilantik untuk tempoh dua (2) tahun atau berdasarkan tempoh lantikan jawatan di PTJ masing-masing.

3.3 Pengerusi boleh menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengerusi sekiranya beliau tidak dapat hadir secara rasmi.

4.0 Kuasa Melantik

Pengerusi : Dilantik oleh Naib Canselor

Ahli dan Setiausaha : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

6.0 Korum

Mesyuarat hanya boleh diadakan dengan keahlian sekurang-kurangnya 2/3 daripada ahli jawatankuasa.

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

7.1 Fungsi JPK adalah seperti berikut:

- i. Membincangkan cadangan dasar dan panduan pengurusan berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK).

- ii. Menyelaras pengurusan dasar dan peraturan berkaitan penilaian program dan institusi (COPIA).
- iii. Menyelaras dan mengurus SPK di UiTM.
- iv. Membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan SPK di UiTM.
- v. Menilai dan memantau pencapaian prestasi kualiti universiti.

7.2 JPK mempunyai bidang kuasa atas semua perkara-perkara berhubung dengan:

- i. Membuat syor dasar berkaitan SPK kepada JKIQU untuk perakuan sebelum ke Senat/MEU untuk kelulusan.
- ii. Meluluskan cadangan pengurusan dasar dan peraturan berkaitan penilaian program dan institusi.
- iii. Membuat keputusan mengenai penyelarasan pengurusan kualiti di PTJ.
- iv. Membuat keputusan mengenai isu-isu berbangkit berkaitan SPK bagi perkara yang di dalam bidang kuasa Ketua Unit Kualiti. Manakala bagi perkara di luar bidang kuasa Ketua Unit Kualiti, JPK hendaklah mengemukakan syor penyelesaian kepada JKIQU untuk kelulusan atau perakuan kepada Senat/MEU.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara Berbangkit

Bahagian B : Cadangan Dasar

Bahagian C : Sistem Pengurusan Kualiti

- Bahagian D : Audit Dalam PTJ
- Bahagian E : Kecemerlangan dan Amalan Terbaik
- Bahagian F : Penilaian Kendiri
- Bahagian G : Laporan Prestasi Kualiti
- Bahagian H : Penilailan Luar dan Akreditasi
- Bahagian I : Lain-Lain Hal

9.0 Format Kertas Kerja

Format kertas kerja/kertas cadangan adalah seperti berikut:

- i. Tajuk Kertas Cadangan
- ii. Tujuan
- iii. Latar Belakang/Isu
- iv. Cadangan
- v. Implikasi Kewangan
- vi. Cadangan Tarikh Pelaksanaan
- vii. Penutup

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Dasar Jaminan dan Pengukuhan Kualiti
- ii. Strategic Plan & UePMO Universiti Teknologi MARA
- iii. COPPA MQA
- iv. COPIA MQA

- v. Standard ISO 9001
- vi. Garis Panduan Lantikan Akademia 2008
- vii. Panduan Pengurusan Mesyuarat
- viii. Peraturan Akademik UiTM
- ix. Pekeliling Naib Canselor
- x. Pekeliling Timbalan Timbalan Naib Canselor

JAWATANKUASA PENGURUSAN WEB MEDIA (JPWM)

1.0 Punca Kuasa

Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Univeristi Bil. 10/2015 bertarikh 30 September 2015

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

Jawatankuasa Pengurusan Web Media (JPWM) ditubuhkan mulai 1 Disember 2015.

3.0 Keanggotaan

3.1 Keahlian Jawatankuasa Pengurusan Web Media

Pengerusi : Penolong Naib Canselor (InQKA)

T. Pengerusi : Pengarah Web Media (InQKA)

Ahli : Ketua Media Sosial (InQKA)
: Ketua Laman Web (InQKA)
: Ketua Komunikasi dan Pengembangan Ilmu (InQKA)
: Koordinator Media Sosial (InQKA)
: Koordinator Laman Web (InQKA)
: Koordinator Bahasa (InQKA)
: Koordinator Perhubungan Media, Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat
: Penolong Pendaftar Kanan/Penolong Pendaftar, Bahagian Canseleri dan Komunikasi Korporat

- : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Web Hosting), Infostruktur
- : Penolong Pegawai Teknologi Maklumat (Unit Web Media), InQKA
- : Web Master PTJ
- : Web Content Manager PTJ
- : Pentadbir Laman Media Sosial PTJ

Setiausaha : Ketua Pentadbiran InQKA

Sekretariat : Pejabat Pentadbiran InQKA

- 3.2 Ahli jawatankuasa dilantik untuk tempoh dua (2) tahun atau berdasarkan tempoh lantikan jawatan di PTJ masing-masing.
- 3.3 Pengurus boleh menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengurus sekiranya beliau tidak dapat hadir secara rasmi.

4.0 Kuasa Melantik Jawatankuasa/Ahli

Pengurus : Dilantik oleh Naib Canselor

Ahli dan Setiausaha : Dilantik oleh Pengurus Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat

Sekurang-kurangnya satu (1) kali setahun.

6.0 Korum

Mesyuarat hanya boleh diadakan dengan keahlian sekurang-kurangnya 60 orang.

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

7.1 Fungsi JPWM adalah seperti berikut:

- i. Membincangkan cadangan dasar dan panduan pengurusan Web Media (Laman Sesawang/Media Sosial).
- ii. Menyelaras pengurusan Web Media di UiTM.
- iii. Membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan pengurusan Web Media di UiTM.

7.2 JPWM mempunyai bidang kuasa atas semua perkara-perkara berhubung dengan:

- i. Membuat syor dasar berkaitan Web Media (laman sesawang dan media sosial).
- ii. Membuat keputusan mengenai penyelaras pengurusan Web Media di UiTM.
- iii. Membuat keputusan mengenai isu-isu berbangkit berkaitan pengurusan Web Media bagi perkara yang di dalam bidang kuasa PTJ. Manakala bagi perkara di luar bidang kuasa PTJ, JPWM hendaklah mengemukakan syor penyelesaian kepada JKIQU untuk kelulusan atau perakuan kepada Senat/MEU.

8.0 Agenda Mesyuarat

Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi

Bahagian A : Pengesahan Minit Mesyuarat yang lalu
: Perkara Berbangkit

- Bahagian B : Cadangan Dasar
- Bahagian C : Pengurusan Paparan Maklumat
- Bahagian D : Isu-Isu Pengoperasian
- Bahagian E : Laporan Prestasi Pengurusan Web Media dan Media Sosial
- Bahagian I : Lain-Lain Hal

9.0 Format Kertas Kerja

Format kertas kerja/kertas cadangan adalah seperti berikut:

- i. Tajuk Kertas Cadangan
- ii. Tujuan
- iii. Latar Belakang/Isu
- iv. Cadangan
- v. Implikasi Kewangan
- vi. Cadangan Tarikh Pelaksanaan
- vii. Penutup

10.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. Dasar Pengurusan Laman Sesawang Universiti
- ii. Dasar dan Garis Panduan Komunikasi Universiti
- iii. Dasar Media Sosial
- iv. Manual Imej dan Identiti Korporat Universiti

v. Garis Panduan Mengisi Maklumat Laman Sesawang

vi. Polisi ICT UiTM

JAWATANKUASA PERAKUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM (JKPPP)

1.0 Punca Kuasa

- 1.1 Keputusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) UiTM Bil 23/2017 bertarikh 13 September 2017.

2.0 Penubuhan Jawatankuasa

- 2.1 Tarikh/Tahun Penubuhan

Jawatankuasa Perakuan Pengiktirafan Program (JKPPP) telah ditubuhkan mulai 01 Jun 2017.

- 2.2 Tempoh Lantikan

Tempoh lantikan adalah berdasarkan tempoh lantikan Jawatan sebagai Penolong Naib Canselor, InQKA, Pengarah Pembangunan Akademik, Pengarah dan Ketua Akreditasi Program di Unit Jaminan Kualiti Dalaman, serta pelantikan sebagai Jawatankuasa Penilaian Program dan Pakar Bidang berkaitan program yang dinilai.

3.0 Keanggotaan

Pengerusi : Penolong Naib Canselor (InQKA)

T. Pengerusi : Pengarah Jaminan Kualiti Dalaman, InQKA

Ahli : Ketua Akreditasi Program S & T (InQKA)
: Ketua Akreditasi Program S & S (InQKA)

- : Pengarah Pembangunan Akademik (BHEA)
- : Ketua Panel Penilai
- : Pakar Bidang Program

Setiausaha : Ketua Pentadbiran (InQKA)

Sekretariat : Pejabat Pentadbiran InQKA

- 3.2 Ahli jawatankuasa dilantik berdasarkan lantikan jawatan di PTJ masing-masing.
- 3.3 Pengerusi boleh menurunkan kuasa kepada Timbalan Pengerusi sekiranya beliau tidak dapat hadir secara rasmi.
- 3.4 Wakil Jabatan/Fakulti/UiTM Negeri akan hadir sebagai jemputan untuk mendengar pembentangan laporan dari Ketua Penilai. Wakil PTJ juga perlu memberi maklumbalas kepada sebarang keperluan penambahbaikan program, untuk dikemukakan kepada MQA sebagai bukti bahawa proses penilaian menepati kitaran.

4.0 Kuasa melantik jawatankuasa/ahli

Pengerusi : Dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Ahli dan Setiausaha : Dilantik oleh Pengerusi Jawatankuasa

5.0 Kekerapan Mesyuarat/Pertemuan

Mengikut keperluan atau sekali sebulan (jika perlu)

6.0 Kehadiran Minimum Mesyuarat

Mesyuarat hanya boleh diadakan dengan kehalian sekurang-kurangnya 2/3 daripada jumlah ahli jawatankuasa

7.0 Fungsi dan Bidang Kuasa

- 7.1 Fungsi JKPPP adalah seperti berikut:
 - i. Meneliti laporan penilaian program yang dibentangkan oleh Ketua Panel Penilai atau wakil
 - ii. Membincangkan isu-isu berbangkit berkaitan akreditasi program
- 7.2 JKPPP mempunyai bidang kuasa atas perkara berikut:
 - i. Mengesyorkan tahap pengiktirafan untuk diperakukan oleh Senat untuk dimajukan kepada MQA untuk penyenaraian.

8.0 Agenda Mesyuarat

- Pendahuluan : Pengisytiharan Kepentingan
: Aluan Pengerusi
- Bahagian A : Mengesahkan Minit Mesyuarat yang lalu (meneliti minit mesyuarat yang dibentangkan di Senat)
: Perkara Berbangkit
- Bahagian B : Pelaporan/Pembentangan hasil dapatan penilaian oleh Ketua Panel Penilai atau wakil
- Bahagian C : Perbincangan isu berkaitan penilaian program beserta mendapatkan maklumbalas dari pemilik program yang turut hadir
- Bahagian D : Hal-hal lain

9.0 Format Kertas Kerja/Kertas Cadangan

- i. Tajuk Kertas Kerja/Cadangan
- ii. Tujuan
- iii. Lata Bekalang

- iv. Cadangan
- v. Syor yang akan dimajukan ke Senat
- vi. Penutup

10.0 Format Pelaporan/Borang Laporan yang digunakan

Format pelaporan / pembentangan hasil dapatan penilaian adalah seperti berikut:

- i. Tajuk Jenis Akreditasi / Pengiktirafan
- ii. Nama Program yang dinilai,
- iii. Tarikh Penilaian dibuat,
- iv. Senarai Penilai
- v. Ringkasan Laporan Penilaian
 - a. Latarbelakang Penilaian
 - b. Objektif
 - c. Hasil Dapatan:
 - *Strength*
 - *Area of Concerns*
 - *Opportunity for Improvement*
 - d. Keputusan laporan
- vi. Laporan terperinci setiap bidang COPPA termasuk gred penilaian
- vii. Penutup
- viii. Lampiran yang berkaitan

11.0 Dokumen Rujukan Utama

- i. *Code of Practice for Program Accreditation (COPPA)*
- ii. *Program Standards*
- iii. *Malaysian Qualifications Framework (MQF)*
- iv. Pekeliling MQA
- v. Standard Kursus Asas (Foundation)
- vi. *Standards: Master's and Doctoral Degree*
- vii. Surat kelulusan penawaran program, Kementerian Pendidikan Malaysia

